

## **Analisis Pelaksanaan Matlamat Pembangunan Mampan (SDGs) di Bahagian Zakat, Sedekah dan Wakaf (ZAWAF), Universiti Teknologi MARA (UiTM)**

**Mohd Ashrof Zaki Yaakob\***, Azri Bhari, Nurulaina Saidin, Mohammad  
Mahyuddin Khalid, Mohd Faiz Mohamed Yusof, Mohd Yusra Abdullah

*Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS), Universiti Teknologi MARA,  
40450 Shah Alam, Malaysia*

\*Corresponding Authors

ashrof@uitm.edu.my\*, azrib178@uitm.edu.my,  
nurulainasaidin@uitm.edu.my, emkay@uitm.edu.my,  
faizyusof@uitm.edu.my, yusra@uitm.edu.my

Received: 30 October 2022

Accepted: 8 Mac 2023

Online First: 12 April 2023

### **ABSTRAK**

*Bahagian Zakat, Sedekah dan Wakaf (ZAWAF) merupakan salah satu Pusat Tanggungjawab (PTJ) di Universiti Teknologi MARA (UiTM) yang bertanggungjawab dalam menguruskan kutipan dan agihan zakat di UiTM. Ia bermula sejak tahun 1998 iaitu dengan perlantikan UiTM sebagai Penolong Amil (PA) di institut pengajian tinggi oleh Lembaga Zakat Selangor (LZS). Dalam memastikan peranan dan tanggungjawab yang telah diamanahkan dilaksanakan dengan sebaiknya, pengurusan ZAWAF perlu memastikan pengurusan kutipan dan agihan zakat di UiTM adalah selari dengan objektif tertentu yang telah ditetapkan dalam al-Quran dan al-Hadith. Mutakhir ini, Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) telah menggariskan Matlamat Pembangunan Mampan (SDGs) merangkumi unsur-unsur sosial, ekonomi dan alam sekitar. Justeru itu, tujuan artikel ini untuk menggariskan objektif zakat dan menganalisis hubungan zakat dan SDGs. Kajian berbentuk kualitatif ini dilaksanakan dengan menggunakan metod pengumpulan data dan analisis data. Metod pengumpulan data dilakukan melalui penyelidikan perpustakaan. Data yang diperolehi dianalisis berdasarkan metod induktif, deduktif dan*

*komparatif untuk mendapatkan hasil kajian. Hasil analisis telah menggariskan objektif zakat dari pelbagai perspektif antaranya ialah dalam konteks agama, pembayar zakat, penerima zakat, pembangunan negara, ekonomi dan sosial. Analisa objektif bantuan zakat menunjukkan ia selari dengan pelaksanaan SDGs yang telah digariskan.*

**Kata Kunci:** *Maqasid*, Matlamat Pembangunan Mampan (SDGs), Zakat

## **Analysis of the Implementation of the Sustainable Development Goals (SDGs) at the Zakat, Sadaqah & Waqf Division (ZAWAF), Universiti Teknologi MARA (UiTM)**

### **ABSTRACT**

*The Zakat, Sadaqah and Waqf Division (ZAWAF) is one of the Pusat Tanggungjawab (PTJ) at Universiti Teknologi MARA (UiTM) which is responsible for managing the collection and distribution of zakat in UiTM. It started since 1998 with the appointment of UiTM as Assistant Amil at the higher education institute by the Selangor Zakat Board. In order to ensure that the roles and responsibilities that have been entrusted are carried out in the best possible way, the management of ZAWAF needs to ensure that the management of zakat collection and distribution at UiTM is in line with certain objectives that have been set in the al-Quran and al-Hadith. Recently, the United Nations (UN) has outlined the Sustainable Development Goals (SDGs) which include social, economic, and environmental elements. Therefore, the purpose of this article is to outline the objectives of zakat and analyse the relationship between zakat and the SDGs. This qualitative study was carried out using data collection and data analysis methods. The data collection method is done through library research. The data obtained was analysed based on inductive, deductive, and comparative methods to obtain the results of the study. The results of the analysis have outlined the objectives of zakat from various perspectives including in the context of religion, zakat payers, zakat recipients, and national, economic, and social development. Analysis of the objective of zakat assistance shows that it is in line with the implementation of the SDGs that have been outlined.*

**Keywords:** *Maqasid*, Sustainable Development Goals (SDGs), Zakat

## PENDAHULUAN

Tanggapan segelintir masyarakat bahawa setiap hukum-hakam yang dikategorikan sebagai ibadah tidak boleh difikirkan hikmah dan rahsianya adalah kurang tepat jika dinilai melalui kajian dan penelitian yang lebih kritis dan mendalam. Berdasarkan pelbagai ayat al-Quran dan al-Hadith boleh diperhatikan objektif ibadah yang tersirat di sebaliknya. Jelas bahawa ajaran Islam bukanlah hanya sekadar bersifat *ta'abbud* semata-mata sehingga tidak boleh difikirkan objektifnya (al-Raysuni, 2009).

Pensyariatan zakat sangat unik berbanding dengan ibadah-ibadah yang lain, ini kerana ia menggabungkan antara dua tanggungjawab iaitu terhadap Allah (*haq Allah*) serta tanggungjawab terhadap manusia (*haq al-'abd*). Oleh itu, objektif pensyariatannya juga terbahagi kepada dua sama ada memberi erti mendekati diri kepada Allah SWT (*al-taqarrub*) berdasarkan ibadah semata-mata (*ibadah mahdah*) yang bersifat *Ta'abbud*, atau juga bermaksud memenuhi kehendak fakir miskin atau lebih dikenali sebagai *ibādah maliyah* yang bersebab (*mu'allal*) (al-Raysuni, 2013).

Perintah melaksanakan ibadah zakat mengandungi pelbagai rahsia dan objektif syarak di dalamnya bagi memastikan masalah dijaga dan menolak *mafsadah* daripada menimpa kehidupan manusia. Kepentingan memastikan objektif pensyariatan zakat dipenuhi dan dicapai adalah suatu perkara yang sangat penting bagi menjamin keberkesanan sistem zakat dalam sesebuah negara.

## **Pentadbiran dan Pengurusan Zakat oleh ZAWAF di Universiti Teknologi Mara (UiTM)**

Bahagian Zakat, Sedekah dan Wakaf (ZAWAF) bermula dengan penubuhan Unit Zakat secara rasmi pada 16 Jun 1998. Matlamat utama penubuhannya adalah untuk melaksana dan menguatkuasakan memorandum perjanjian yang telahpun dipersetujui bersama antara ITM dengan MAIS. Unit Zakat ITM ketika itu berperanan mengendalikan urusan kutipan zakat dalam kalangan warga UiTM dan menyerahkan keseluruhan kutipan tersebut kepada pihak MAIS.

Imbalan daripada tanggungjawab kutipan tersebut, Unit Zakat ITM akan menerima pulangan kembali sebanyak 50 peratus daripada hasil kutipan zakat untuk diagihkan kepada warga UiTM yang layak mengikut asnaf yang dibenarkan iaitu asnaf fakir, miskin, muallaf dan *fi sabilillah*. Mulai tahun 2019,

pihak Lembaga Zakat Selangor (LZS) telah menambah Ibnu Sabil di dalam senarai asnaf yang dibenarkan agihan menjadikan jumlahnya 5 asnaf.

Pada peringkat awal penubuhan, struktur Unit Zakat diletakkan di bawah Penolong Rektor Pusat Khidmat Islam Bersepadu (PKIB) hingga Jun 2001. Bermula bulan Jun 2001 hingga 13 Jan 2004, unit ini terletak di bawah seliaan Hal Ehwal Pelajar (HEP). Seterusnya bermula pada 13 Januari 2004 Unit Zakat terletak di bawah seliaan Pusat Pemikiran dan Kefahaman Islam (CITU). Pada tahun 2012, CITU telah dinaiktaraf menjadi fakulti dengan nama Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS). Selaras dengan penjenamaan dan penstrukturan semula, unit zakat dinaiktaraf menjadi Pusat Zakat, Sedekah dan Wakaf ACIS UiTM.

Bermula 1 Ogos 2019, telah berlaku penstrukturan semula dan Pusat Zakat, Sedekah dan Wakaf telah dipisahkan daripada pengurusan ACIS. Dengan penstrukturan baharu ini, ia telah dinaik taraf menjadi Bahagian Zakat, Sedekah dan Wakaf (ZAWAF) dan diletakkan di bawah seliaan Naib Canselor UiTM.

Pada peringkat awal penubuhannya, Unit Zakat hanya terdiri daripada dua orang kakitangan sahaja iaitu seorang ketua dan kerani kanan. Selaras dengan transformasi dan perkembangan semasa, ZAWAF kini mempunyai seramai sembilan orang kakitangan yang terdiri daripada seorang pengarah dan dibantu oleh lapan orang kakitangan iaitu seorang pengurus zakat, tiga orang pegawai eksekutif, seorang kerani kanan, seorang orang kerani, seorang pegawai khidmat pelanggan dan seorang pemandu.

Tanggungjawab utama ZAWAF ialah untuk menguruskan kutipan zakat dalam kalangan warga UiTM dan orang ramai. Antara jenis bayaran zakat yang diterima ialah Zakat Pendapatan, Zakat Perniagaan, Zakat Pelaburan, Zakat Simpanan, Zakat Saham, Zakat Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP), Zakat Emas dan Perak, Zakat Fitrah dan Qada Zakat.

Mekanisma kutipan zakat di UiTM dilaksanakan melalui beberapa cara antaranya melalui Skim Potongan Gaji (SPG) secara bulanan. Selain itu, bayaran zakat di kaunter secara tunai atau cek juga boleh dilakukan dengan hadir ke pejabat ZAWAF. Namun, disebabkan oleh kekangan wabak COVID-19 yang melanda dunia, ZAWAF menyediakan alternatif saluran pembayaran mudah iaitu secara atas talian (*online*). Kaedah terbaharu ini ternyata lebih efisien, mudah dan cepat serta menepati dua keperluan semasa iaitu mencegah pandemik COVID-19 dan transformasi pengurusan ZAWAF kearah bebas tunai

(*cashless*) dalam semua urusan.

Proses pengagihan zakat di UiTM pula dilaksanakan berpandukan kepada garis panduan Sistem Agihan Zakat Negeri Selangor (1999) yang disediakan oleh Jawatankuasa Perundangan Hukum Syarak (Fatwa) Majlis Agama Islam Selangor (MAIS). Garis panduan tersebut kini dikenali sebagai panduan Penentuan *Had al-Kifayah* Negeri Selangor. Pada peringkat awal, manfaat agihan zakat UiTM hanya dikhususkan kepada warga UiTM yang terletak di negeri Selangor sahaja. Namun, bermula pada tahun 2012 sehingga kini, manfaat agihan zakat UiTM turut boleh dinikmati oleh warga UiTM di seluruh negara.

### ***Maqasid* dalam Pelaksanaan Ibadah Zakat**

Secara umumnya, terdapat pelbagai *maqasid* atau objektif di sebalik pelaksanaan ibadah zakat yang telah diwajibkan ke atas umat Islam. Objektif zakat boleh dilihat dari pelbagai perspektif antaranya ialah dalam konteks agama, pembayar zakat, penerima zakat, pembangunan negara, ekonomi dan sosial (Azri Bhari, 2016).

#### **1. *Maqasid* Zakat Dalam Konteks Agama**

Dalam konteks agama, *maqasid* ibadah zakat dilihat berperanan membentuk kepatuhan dan ketaatan manusia kepada Allah SWT supaya menjadi hamba yang beriman dan bertakwa (Hisham Sabri dan Zulkifli Hasan, 2006). Selain itu, ia dapat melahirkan manusia yang bersyukur dengan nikmat pemberian Allah SWT dan dapat membersihkan diri dari dosa (al-Ghazali, 2004).

#### **2. *Maqasid* Zakat Dalam Konteks Pembayar Zakat**

Melalui berzakat dapat memupuk jiwa menjadi pemurah, melatih diri menunaikan amanah dan menyampaikan hak-hak kepada pemiliknya (K.H. Sjechul Hadi Permono, 1993). Hal ini secara tidak langsung dapat menghiasi akhlak dengan sifat dermawan dan pemurah selain membuang sifat kikir dan kedekut, kerana sifat semulajadi manusia memang sangat sayangkan harta benda (Mahmood Zuhdi, 2003).

#### **3. *Maqasid* Zakat Dalam Konteks Penerima Zakat**

Menurut Zulkifli Mohamad al-Bakri (2010), objektif zakat dalam konteks agihan zakat berbeza-beza mengikut golongan penerima zakat sebagaimana

yang telah ditentukan oleh naş sebanyak lapan asnaf. Orang miskin dan fakir yang melihat orang di sekelilingnya hidup senang dengan harta melimpah sedangkan dirinya diselubungi derita kemiskinan, berkemungkinan menjadi penyebab timbulnya rasa dendam, cemburu, dengki, permusuhan dan kebencian dalam hati mereka terhadap orang kaya. Sekiranya dibiarkan sifat negatif ini pasti akan menjadi barah dalam masyarakat. Senario ini pastinya menjejaskan hubungan sesama Muslim, malah berpotensi memutuskan tali persaudaraan dan menyemarakkan kebencian (Azri Bhari & Luqman Abdullah, 2016).

#### **4. *Maqasid Zakat Dalam Konteks Pembangunan Negara***

Zakat turut dilihat mempunyai peranan dalam konteks pembangunan negara supaya kestabilan dan keseimbangan dapat dicapai dengan baik. Objektif pensyariatkan zakat seterusnya ialah mewujudkan suasana aman dan tenteram dalam kehidupan masyarakat di dalam sesebuah negara. Perkara ini boleh digambarkan melalui ketiadaan berlaku kes jenayah, rompakan dan sebagainya apabila golongan yang memerlukan kewangan dibantu dengan wang zakat (Amin Khan, 2015; al-Jarjawi, 2009)

#### **5. *Maqasid Zakat Dalam Konteks Sosial***

Dalam konteks sosial, zakat memainkan peranan menyusun kehidupan masyarakat agar lebih aman, harmoni dan terhindar dari segala konflik negatif yang boleh tercetus kesan daripada hubungan masyarakat yang tidak berkerjasama (Hailani Muji Tahir, 2007). Kepentingan hasil zakat sebagai medium pembangunan ummah tidak dapat dipertikaikan oleh mana-mana pihak. Jika kutipan zakat dapat ditingkatkan dari semasa ke semasa, maka taraf hidup masyarakat akan menjadi lebih baik. Melalui zakat, ia dapat mewujudkan kesatuan masyarakat dan jaminan sosial serta memupuk hubungan sosial yang baik dalam masyarakat (Ariffin Omar, 2006).

### **Matlamat Pembangunan Mampan (SDGs)**

Matlamat Pembangunan Mampan (SDGs) merangkumi unsur-unsur sosial (56%), ekonomi (20%) dan alam sekitar (24%). SDGs merupakan teras agenda 2030 bagi pembangunan mampan yang dipersetujui oleh Ketua-ketua Negara dan masyarakat antarabangsa pada 25 September 2015 di Persidangan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) (*Economic Planning Unit*, 2017).

SDGs merupakan kesinambungan agenda pembangunan yang diteruskan selepas berakhirnya Millennium Development Goals (MDGs) pada 2015.

MDGs mempunyai 8 matlamat dan 21 sasaran. Manakala SDGs diperluaskan kepada 17 matlamat dan 169 sasaran dengan matlamat bagi meneruskan agenda 2030 mencapai keseimbangan dalam tiga dimensi pembangunan mampan iaitu merangkumi sosial, ekonomi dan alam sekitar (*Department of Statistics, Malaysia, 2018*).

Pelaksanaan SDGs adalah bermatlamat untuk menjamin generasi masa depan supaya mereka mampu untuk mendapat semua keperluan asas yang diperlukan. Program ini meliputi manusia (*people*), planet (*planet*), kesejahteraan (*prosperity*), keamanan (*peace*), dan rakan strategik (*partnership*), yang diharapkan dapat mengakhiri permasalahan yang sedang dialami sekarang oleh negara-negara sedang membangun (*Economic Planning Unit, 2017*). Berikut adalah jadual senarai SDGs yang telah digariskan:

**Jadual 1: Matlamat Pembangunan Mampan (SDGs)**

Bil	Matlamat Pembangunan Mampan (SDGs)
1	Tiada Kemiskinan
2	Sifar Kelaparan
3	Kesihatan dan Kesejahteraan
4	Pendidikan Berkualiti
5	Kesaksamaan Gender
6	Ketersediaan Pengurusan Air dan Sanitasi yang Mampan
7	Memastikan Akses Kepada Tenaga Yang Mampu Dimiliki, Mampan dan Moden
8	Pengembangan Kerjaya dan Pembangunan Ekonomi
9	Membina Infrastruktur Berdaya Tahan, Menggalakkan Perindustrian Inklusif, Mampan dan Inovasi
10	Mengurangkan Ketidaksamaan Kawasan
11	Kelestarian Bandar dan Komuniti
12	Memastikan Penggunaan dan Corak Pengeluaran Mampan
13	Menangani Perubahan Iklim dan Kesan-Kesannya
14	Ekosistem Lautan
15	Ekosistem Daratan
16	Institusi yang Damai, Adil, dan Kuat
17	Rakan Strategik untuk Mencapai Matlamat

Sumber: <https://sustainabledevelopment.un.org/sdgs>

Berdasarkan jadual di atas, terdapat 17 matlamat yang ingin dicapai oleh dunia pada 2030 iaitu tiada kemiskinan, sifar kelaparan, kesihatan dan kesejahteraan, pendidikan berkualiti, kesaksamaan gender, ketersediaan pengurusan air dan sanitasi yang mampan, memastikan akses kepada tenaga yang mampu dimiliki, mampan dan moden, pengembangan kerjaya dan pembangunan ekonomi, membina infrastruktur berdaya tahan, menggalakkan

perindustrian inklusif, mampan dan inovasi, mengurangkan ketidaksamaan kawasan, kelestarian bandar dan komuniti, memastikan penggunaan dan corak pengeluaran mampan, menangani perubahan iklim dan kesan-kesannya, ekosistem lautan, ekosistem daratan, institusi yang damai, adil, dan kuat, rakan strategik untuk mencapai matlamat.

## Analisis Zakat, Kategori Asnaf dan Pelaksanaan SDGs

Zakat mempunyai objektif yang jelas dalam al-Quran dan al-Hadith sebagaimana yang telah dijelaskan para sarjana hukum di dalam kitab-kitab fiqh. Setelah dianalisis, zakat yang diuruskan oleh institusi-institusi zakat dalam mencapai zakat boleh diselarikan dengan pelaksanaan SDGs seperti jadual berikut:

**Jadual 2: Bantuan Zakat Kepada Asnaf Berdasarkan SDGs**

Bil	SDGs	Jenis Bantuan Zakat	Kategori Asnaf	Bantuan Zakat di UiTM
1	Tiada Kemiskinan	Bantuan Kewangan	Fakir Miskin Muallaf	√
		Bantuan Menyelesaikan Hutang	Gharimin	X
		Bantuan Ibn Sabil	Ibn Sabil	√
2	Sifar Kelaparan	Bantuan Kewangan	Fakir Miskin	√
3	Kesihatan dan Kesejahteraan	Bantuan Takaful	Fakir Miskin	X
		Bantuan Perubatan	Fakir Miskin	√
		Bantuan Al-Riqab	Al-Riqab	X
4	Pendidikan Berkualiti	Bantuan Am Persekolahan	Fakir Miskin	√
		Bantuan Am Pelajaran IPT	Fi Sabilillah	
		Bantuan Persediaan IPT		
5	Kesaksamaan Gender	-	-	-
6	Ketersediaan Pengurusan Air dan Sanitasi yang Mampan	-	-	-
7	Memastikan Akses	-	-	-



Kepada Tenaga yang Mampu Dimiliki, Mampan dan Moden				
8	Pengembangan Kerjaya dan Pembangunan Ekonomi	Bantuan Perniagaan Bantuan Pertanian	Fakir Miskin Muallaf	√
9	Membina Infrastruktur Berdaya Tahan, Menggalakkan Perindustrian Inklusif, Mampan dan Inovasi	-	-	X
10	Mengurangkan Ketidaksamaan Kawasan	-	-	-
11	Kelestarian Bandar dan Komuniti	Bantuan Perkahwinan Bantuan Guaman Syarie Bantuan Musibah Bantuan Deposit Sewa Rumah Bantuan Membina Rumah	Fakir Miskin	√
12	Memastikan Penggunaan dan Corak Pengeluaran Mampan	-	-	-
13	Menangani Perubahan Iklim dan Kesan-Kesannya	-	-	-
14	Ekosistem Lautan	-	-	-
15	Ekosistem Daratan	-	-	-
16	Institusi Yang Damai, Adil, dan Kuat	Ketelusan Institusi Zakat dalam Kutipan dan Agihan Zakat	Amil	√
17	Rakan Strategik untuk Mencapai Matlamat	Rakan Individu dan Syarikat Korporat dalam Kutipan dan Agihan Zakat	Amil	√

Sumber: <https://zawaf.uitm.edu.my/sites/> (Laman Sesawang ZAWAF UiTM)

Berdasarkan jadual di atas, bantuan-bantuan yang disediakan oleh institusi-institusi zakat dapat diselarikan dengan lapan pelaksanaan SDGs.

Bantuan kewangan untuk pembelian makanan dan bantuan menyelesaikan hutang boleh diselarikan dengan SDGs ke-1 iaitu tiada kemiskinan dan SDGs ke-2 iaitu sifar kelaparan. Seterusnya, bantuan perubatan, bantuan takaful dan bantuan *al-riqab* adalah selari dengan SDGs ke-3 iaitu kesihatan dan kesejahteraan. Bantuan am persekolahan, bantuan am pelajaran IPT dan bantuan persediaan IPT pula adalah selari dengan SDGs ke-4 iaitu pendidikan berkualiti.

Selain itu, bantuan perniagaan dan bantuan pertanian dilihat selari dengan SDGs ke-8 iaitu pengembangan kerjaya dan pembangunan ekonomi. Bantuan perkahwinan, bantuan guaman syarie, bantuan deposit sewa rumah dan bantuan membina rumah pula dilihat selari dengan SDGs ke-11 iaitu kelestarian bandar dan komuniti. Selanjutnya, dalam memastikan kutipan dan agihan zakat bertepatan dengan syarak, aspek pentadbiran dan pengurusan zakat amat penting diperhatikan selari dengan SDGs ke-16 iaitu mewujudkan institusi yang damai, adil, dan kuat. Institusi zakat juga memerlukan rakan strategik dalam memastikan kutipan dan agihan zakat berada ditahap memberangsangkan dari semasa ke semasa yang melibatkan individu dan syarikat korporat. Hal ini boleh diselarikan dengan SDGs ke-17 iaitu rakan strategik untuk mencapai matlamat.

## **KESIMPULAN**

Objektif zakat secara jelas telah dinyatakan di dalam al-Quran dan al-Hadith. Manakala SDGs adalah merupakan agenda dunia yang disepakati dalam Persidangan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB). Setelah dianalisis, SDGs yang ingin dicapai pada tahun 2030 dilihat selari dengan objektif zakat. Terdapat lapan teras SDGs yang dilihat boleh dilaksanakan oleh ZAWAF UiTM bagi mencapai kecemerlangan. Antaranya ialah dilihat selari untuk pembangunan serta meningkatkan taraf hidup fakir, miskin dan asnaf yang lain. Selain itu, menjamin setiap asnaf tidak ketinggalan untuk mendapatkan keperluan asas yang diperlukan. Seterusnya, memberi kemahiran dan latihan kepada asnaf sehingga mampu melahirkan pembayar zakat dari kalangan asnaf di masa hadapan.

## **PENGHARGAAN**

Penghargaan ditujukan kepada Bahagian Zakat, Sedekah dan Wakaf (ZAWAF) Universiti Teknologi MARA, Majlis Agama Islam Selangor (MAIS), Lembaga Zakat Selangor (LZS), dan Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS) Universiti Teknologi MARA.

## KONFLIK KEPENTINGAN

Kajian ini dijalankan secara telus berdasarkan fakta-fakta yang benar dan tiada sebarang unsur kepentingan terhadap institusi-institusi tertentu.

## SUMBANGAN PENULIS

Kerangka asas kajian ditetapkan oleh Mohd Ashrof Zaki Yaakob dan Azri Bhari. Metodologi, pengumpulan data dan analisis dibantu oleh Nurulaina Saidin, Mohammad Mahyuddin Khalid, Mohd Faiz Mohamed Yusof dan Mohd Yusra Abdullah.

## RUJUKAN

- al-Ghazali, Abu Hamid Muhammad bin Muhammad (2004). *Ihya' 'Ulum al-Din*. Jilid 1. Bayrūt: Dar al-Ma'rifah.
- al-Jarjāwiy, 'Alī Aḥmad, *Ḥikmah al-Tashrī' wa Falsafatuhu*, terj. Puli Taslim MA (Kuala Lumpur: Pustaka al-Shafa, 2009).
- al-Raysuni, Ahmad (2009). *Madkhal ila Maqasid al-Shari'ah*. Misr: Dar al-Kalimah lil Nashr wa al-Tawzī'.
- al-Raysuni, Ahmad (2013), *Nazariyyah al-Maqasid 'ind al-Imam al-Shatibi*. Cet. ke-2. Misr: Dar al-Kalimah lil Nashr wa al-Tawzī'.
- Amin Khan, “Bolehkah Kita Percaya Pada Statistik Jenayah?”, laman sesawang mstar, dicapai 14 Februari 2016, <http://www.mstar.com.my/lain-lain/suara/2015/05/06/pemandu-rekod-jenayah/>.
- Ariffin Omar (2006), *Sedekah Jaminan Keharmonian Umat Menurut Sunah* (Kuala Lumpur: Utusan Publication & Distributors Sdn. Bhd.
- Azri Bhari (2016), *Analisis Fatwa Zakat di Malaysia dari Perspektif Maqasid Syariah*, Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Azri Bhari & Luqman Abdullah (2016). *Senario Fatwa-fatwa Zakat di Malaysia: Perspektif Maqasid Syariah*. Jurnal Fiqh. No.13. Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya.
- Bahagian Zakat, Sedekah dan Wakaf (ZAWAF), Universiti Teknologi MARA <https://zawaf.uitm.edu.my/sites/>
- Department Of Statistics, Malaysia (2018), *The initial assessment of the sustainable development goals indicator for Malaysia*. Putrajaya: Jabatan statistik Malaysia.
- Economic Planning Unit, (2017), *Malaysia Sustainable Development Goals Voluntary National Review*, Putrajaya: Malaysia.
- Hisham Sabri dan Zulkifli Hasan (2006), “Zakat: Instrumen Penyumbang

*Pembentukan Usahawan”* (Seminar Kebangsaan Pengurusan Harta Dalam Islam Kolej Islam Pahang Sultan Ahmad Shah (KIPSAS), Kuantan, 8-9 Ogos 2006).

K.H.Sjechul Hadi Permono (1993), *Sumber-sumber Penggalian Zakat* (Jakarta: Pustaka Firdaus).

Mahmood Zuhdi Abd. Majid (2003), *Pengurusan Zakat* (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka).

Sustainable Development Goals (2019). Dicapai pada 8 Oktober 2019 di <https://sustainabledevelopment.un.org/sdgs>

Zulkifli Mohamad al-Bakri (2010), *Ahkam wa Fatawa al-Zakah* (Selangor: Darul Syakir Enterprise).